



PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
Faks : 03-2698 9218  
Emel : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>



20 November 2017

**Kenyataan Media YB Dato' Sri Hasan Arifin, Pengerusi Jawatankuasa  
Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Berhubung Pembentangan  
Laporan PAC Parlimen Pengurusan Perolehan Universiti: Universiti  
Malaysia Kelantan (UMK) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi  
(KPT).**

- 1) PAC Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC berhubung Pengurusan Perolehan Universiti: Universiti Malaysia Kelantan (UMK) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).
- 2) Isu ini adalah penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2014 Siri 2 yang dibentangkan di Parlimen pada 15 Jun 2015.
- 3) PAC Parlimen mengadakan Mesyuarat Prosiding berhubung isu ini, pada 22 Mac 2017 dengan memanggil Ketua Setiausaha KPT, Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur dan Prof Dato' Dr. Mortaza Mohamed Naib Canselor UMK bagi menjelaskan isu yang dibangkitkan JAN.
- 4) Dalam Mesyuarat Prosiding berkenaan, ahli-ahli PAC Parlimen membangkitkan isu-isu seperti berikut:
  - i) Perolehan kerja di UMK yang dipecah kecil.

- 5) Berdasarkan Mesyuarat Prosiding berkenaan, PAC Parlimen merumuskan bahawa:
- i) Jawatankuasa ini, memandang serius terhadap ketidakpatuhan yang berlaku dan meminta KPT untuk memperkuuh serta menyelaraskan peraturan kewangan dan pengurusan perolehan UMK.
- 6) Berikut itu, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan supaya:
- i) Peranan Audit Dalam di setiap universiti perlu diperkuuhkan lagi bagi memastikan pelaksanaan pengurusan perolehan di universiti adalah teratur.
  - ii) UMK harus menggunakan prosedur kewangan sedia ada selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan.
  - iii) KPT perlu melihat semula semua peraturan dan tatacara kewangan universiti-universiti bagi menyelaras urusan kewangan universiti.
- 7) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Perolehan Universiti: Universiti Malaysia Kelantan (UMK) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac)

Yang Berhormat Dato' Sri Hasan Arifin  
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara  
Parlimen Malaysia